

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [LANANG]

SOALAN

PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [LANANG] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan apakah bantuan yang telah dan akan diberi oleh Kerajaan kepada penanam lada memandangkan paras harga lada pada hari ini sudah turun ke tahap yang agak rendah.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Industri Utama telah melaksanakan beberapa inisiatif sebagai bantuan untuk menaikkan harga komoditi lada serta membantu para pekebun kecil yang terkesan dengan penurunan harga lada. Inisiatif tersebut antara lain adalah:

- (i) **Skim Tanaman Baharu Lada**
Bentuk dan nilai bantuan yang diberikan adalah :
- a. input pertanian (baja dan dolomite);
 - b. bayaran insentif secara tunai bagi keratan lada & tiang sokongan;
 - c. khidmat nasihat; dan
 - d. nilai bantuan: RM26,000 sehektar untuk tempoh 2 tahun
- (ii) **Skim Peningkatan Kualiti Peringkat Ladang**
Bentuk bantuan yang diberikan adalah seperti pengipas, pelerai, *spiral separator*, pelantar jemuran, bahan binaan untuk stor, empangan anak sungai dan tangki rendaman untuk meningkatkan kualiti lada yang dihasilkan.

(iii) **Skim Pembangunan Usahawan**

Terdapat dua skim yang telah di jalankan di bawah Skim Pembangunan Usahawan iaitu :

a. Skim Usahawan Keratan Lada

Bentuk Bantuan:

- (i) Bekalan 400 keratan untuk tanaman induk sebagai tambahan kepada 600 pokok yang sedia ada;
- (ii) Bantuan input pertanian untuk 0.3 ha (600 pokok) yang sedia ada secara one-off;
- (iii) Latihan, lawatan pembelajaran dan khidmat nasihat;
- (iv) Bantuan Pemasaran; dan
- (v) Lain-lain bantuan yang dianggap penting dari masa ke masa.

b. Skim Usahawan Jual Beli Lada

Bentuk Bantuan:

- (i) Bantuan alat-alat pemprosesan (Pengipas, Pelerai & 'Spiral Separator') dan bahan binaan untuk pembinaan atau menaiktaraf stor simpanan lada secara one-off (sekali sahaja);
- (ii) Diberi keutamaan untuk menyertai Lawatan Pembelajaran/Kursus / Persidangan/ Seminar Usahawan;
- (iii) Khidmat Nasihat; dan
- (iv) Apa-apa bentuk bantuan yang dianggap penting dari masa ke masa.

Pada tahun 2019, Kerajaan komited membantu para pekebun kecil lada dengan menyalurkan peruntukan untuk pelbagai bantuan di bawah Program Pembangunan Kawasan Penanaman Lada yang melibatkan peruntukan berjumlah RM10 juta. Bagi pelaksanaan jaringan sosial pula, inisiatif tersebut dalam pertimbangan dan masih diperhalusi oleh Kementerian ini.

Sekian, terima kasih.